SAMPEL PERCUMA

Trial STPM 2017 Pengajian Perniagaan Penggal 1

Set penuh: Kertas Percubaan STPM

Sem 1 · Pengajian Perniagaan

Sampel ini: 8 muka surat. Set penuh ada:

- 3 fail PDF
- Semester 1: kertas percubaan (trial) negeri, subjek yang dipilih + skema
- Blueprint 30 hari Semester 1 (setiap subjek)
- Semester 3: percubaan 2024, 10 subjek, banyak negeri, soalan + skema dalam satu fail

RM12.90

BELI SET PENUH RM12.90 >

nightmew.com/p/stpm · FPX semua bank · download sejurus lepas bayar

Sampel bermula di muka surat sebelah

946/1 **PERCUBAAN**
STPM PENGGAL 1 2017

PENGAJIAN PERNIAGAAN

KERTAS 1 PENGGAL 1
(Satu jam empat puluh lima minit)

PEPERIKSAAN PERCUBAAN STPM PENGGAL 1 2017

Arahan kepada calon:

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA ANDA DIBENARKAN BERBUAT DEMIKIAN

*Jawab **semua** soalan dalam Bahagian A.*

*Jawab soalan **2** dalam Bahagian B.*

*Jawab soalan **3(a)** atau soalan **3(b)** dalam Bahagian B.*

*Anda boleh menjawab kedua-dua soalan, iaitu soalan **3(a)** atau soalan **3(b)** tetapi hanya **satu** jawapan pertama yang akan diperiksa.*

Kertas soalan ini terdiri daripada **4** halaman bercetak.

Bahagian A [50 markah]

Jawab **semua** *soalan.*

1 a) Huraikan maksud perniagaan. [4]

b) Huraikan **dua** kesan dari perubahan teknologi yang berlaku terhadap perniagaan di Malaysia. [4]

c) Huraikan perbezaan antara aktiviti perniagaan berasaskan pengeluaran dengan aktiviti perniagaan berasaskan perkhidmatan . [6]

d) Huraikan susun atur pengeluaran untuk aktiviti yang berikut:
(i) Pembinaan kapal terbang
(ii) Hospital
(iii) Pengeluaran Komputer [6]

e) Nyatakan proses kawalan kualiti. [4]

f) Lukis dan labelkan model gelagat pengguna. [6]

g) Huraikan **dua** jenis sumber pembiayaan jangka pendek. [4]

h) (i) Premis Perniagaan Encik Basir terbakar dan beliau telah membelanjakan RM60 000 untuk membaikinya. Encik Basir menginsuranskan premis tersebut dengan nilai RM80 000.
Huraikan prinsip insurans yang diguna pakai dan berapakah jumlah yang dibayar oleh syarikat insurans sebagai gantirugi. [3]

(ii) Encik Ahmad telah menginsuranskan kereta dengan polisi komprehensif. Pada 20 Jun 2015 keretanya telah hilang. Pada bulan September 2015 Encik Ahmad mendapat pampasan ganti rugi daripada penginsurans. Pada bulan Januari 2016, kereta tersebut dijumpai semula.
Huraikan prinsip insurans yang diguna pakai dan siapakah yang berhak untuk menuntut kereta tersebut. [3]

i) Huraikan **dua** aktiviti pengurusan sumber manusia strategik. [4]

j) Huraikan **tiga** faktor penentuan keperluan sumber manusia. [6]

Bahagian B [50 Markah]

Jawab **semua** soalan

Proton Holdings Bhd. (Proton) Melalui Proses Pemulihan Sepenuhnya.

2. Kejayaan proton menghasilkan Proton Perdana sedan eksekutif generasi ke empat yang baharu telah membuktikan syarikat pengeluar kereta nasional tersebut benar-benar mengembalikan kegemilangan Proton ke landasan kejayaan untuk menjana keuntungan dan memberi faedah kepada negara. Ekoran dari itu, sebanyak 900 unit model Perdana menerima tempahan awal daripada pelanggan dan ia membuktikan keyakinan pelanggan terhadap model tersebut.

Proton selama ini telah banyak bergantung kepada campur tangan politik dalam strategi pengurusan termasuk kakitangan dan model perniagaan sehingga menyebabkan Proton berada dalam keadaan sukar. Untuk mencapai kejayaan yang lebih cemerlang dengan kumpulan pengurusan baharu yang tidak lagi ada campur tangan politik sepenuhnya, proton merangka untuk meningkatkan jualan, serta memimpin inovasi dan memastikan syarikat ini mempunyai masa hadapan yang lebih cerah, baik dari segi produk dan dapat meningkatkan kesejahteraan pekerja mereka.

Hasil dari penyelidikan dan pembangunan yang rapi, Proton berjaya melancarkan model yang keduanya pada tahun ini iaitu Proton Pesona 1.6 Liter, dengan tempahan awal selepas dua hari pelancaran melebihi 1400 di seluruh negara.

Menurut Ketua Pegawai Eksekutif Proton Edar Sdn.Bhd, Encik Rohaimee Shafie berkata, keadaan tersebut menunjukkan petanda baik sambutan masyarakat terhadap model baharu tersebut. Katanya pelbagai aktiviti telah dirancang dan dilaksanakan oleh Proton dalam mempromosikan keluaran terbaru itu termasuk mengadakan aktiviti jelajah di beberapa bank seluruh negera, Proton juga mengadakan pameran bergerak ke lokasi-lokasi yang terpilih.

Proton Edar juga turut merancang untuk mentranformasikan cawangan pengedaran mereka di seluruh negara sebagai langkah dalam mengoptimumkan perkhidmatan yang disediakan. Langkah ini bertujuan untuk meningkatkan keyakinan dan kesetiaan pelanggan terhadap Proton dengan menawarkan perkhidmatan terbaik serta menaik taraf pusat servis diseluruh cawangannya.

Tempahan model Persona yang mengalakkan ini disebabkan Proton menawarkan bayaran pendahuluan hanya RM300 dan ditawarkan pada harga yang berpatutan diantara RM49 000 hingga RM63 000 sahaja.

Rekabentuk dan teknologi yang tinggi juga menjadi daya tarikan pelanggan dimana Proton menawarkan model baharu ini dalam enam pilihan warna iaitu Carnelian Brown, Quartz Black, Cotton White, Ruby Red, Sterling Silver dan Graphite Grey. Proton Persona didatangkan dalam tiga varian iaitu Standard (MT dan AT), Executive dan Premium.

Model baharu itu akan dikuasakan dengan enjin VVT 1.6L untuk penggunaan bahan api yang lebih ekonomi dan merupakan kereta Proton pertama mempunyai indikator bagi bantuan pemanduan ECO (ekonomi). Model Persona baharu ini turut dibina dengan mengutamakan ciri-ciri keselamatan tertinggi, seperti kawalan kestabilan elektronik (ESC) dengan sistem kawalan tarikan, bantuan Hill-hold, bantuan brek, sistem brek antikekunci (ABS) serta enam beg udara untuk varian Premium.

Untuk meletakkan Proton seiring dengan pengeluar-pengeluar lain, Proton akan melancarkan dua lagi model baharu iaitu Proton Saga dan MPV Ertiga.

Berdasarkan kes di atas.

(a) Jelaskan persekitaran perniagaan yang boleh mempengaruhi operasi perniagaan Proton. [10]

(b) Jelaskan strategi campuran pemasaran yang digunakan oleh Proton untuk menghadapi persaingan yang semakin sengit pada masa kini. [20]

3 Jawab **satu** *soalan sahaja, sama ada soalan* ***3(a)*** *atau* ***3(b).***

(a) Jelaskan kitaran hayat produk dengan menyertakan gambar rajah. [20]

ATAU

(b) i. Huraikan **enam** cabaran-cabaran yang wujud dalam aktiviti pengurusan sumber manusia [12]

ii. Huraikan aspek-aspek pemilihan pekerja yang sering digunakan dalam proses pengambilan tenaga kerja. [8]

946/1 **PERCUBAAN**
STPM PENGGAL 1 2017

PENGAJIAN PERNIAGAAN

KERTAS 1 PENGGAL 1
(Satu jam empat puluh lima minit)

SKEMA PEMARKAHAN

PEPERIKSAAN PERCUBAAN STPM PENGGAL 1 2017

Arahan kepada GURU:

Skema pemarkahan ini hanya boleh digunakan untuk tujuan pemarkahan dan perbincangan dengan calon sahaja selepas peperiksaan atau ujian dilaksanakan. Sebarang edaran untuk tujuan lain tidak dibenarkan.

Kertas skema ini terdiri daripada **11** halaman bercetak.

SKEMA PEMARKAHAN

Soalan 1

a) Jelaskan maksud perniagaan. [4]

Perniagaan adalah sebarang aktiviti yang dijalankan untuk **memuaskan keperluan dan kehendak [1m]** pelanggan dengan **menyediakan barangan dan perkhidmatan [1m]** yang melibatkan **pertukaran nilai [1m]** bagi **mendapatkan keuntungan. [1m]**

b) Huraikan **dua** kesan dari perubahan teknologi yang berlaku terhadap perniagaan di Malaysia. [4]

Dua perubahan yang berlaku terhadap perniagaan di Malaysia ekoran perubahan teknologi:

1.Wujud industri baru (F=1m)
-Industri yang berasaskan sains dan teknologi terkini./ (H=1m)
-Produk seperti komputer, robot dan teknologi maklumat. (H=1m)

[Maksimum 2 m(F=1m + H=1m (mana-mana 2 diatas)= 2m]

2.Menyampaikan maklumat dengan segera kepada pengguna
-Teknologi baru meningkatkan keberkesanan dan kecekapan proses komunikasi.
-Maklumat produk dapat disampaikan dengan segera dan berkesan seperti melalui kemudahan Internet.

3.Mengubah dan menghapuskan industri sedia ada
-Firma yang tidak menerima perubahan boleh menyebabkan kemerosotan perniagaan.
-Kesannya, firma akan melabur dana untuk menyesuaikan dengan teknologi baru.

c) Huraikan perbezaan antara aktiviti perniagaan berasaskan pengeluaran dengan aktiviti perniagaan berasaskan perkhidmatan . [6]

Perbezaan antara aktiviti perniagaan berasaskan pengeluaran dengan aktiviti perniagaan berasaskan perkhidmatan:

Dimensi	Aktiviti perniagaan berasaskan pengeluaran	Aktiviti perniagaan berasaskan perkhidmatan
Produk/keluaran [1]	Ketara melibatkan produk fizikal boleh dilihat, disentuh dan bau. [1]	Tidak ketara hanya boleh dinikmati kepuasan penggunaannya.[1]
Input/ faktor pengeluaran [1]	Bahan fizikal diperlukan untuk menjalankan proses perniagaan [1]	Perkhidmatan diberi kepada pelanggan dalam proses perniagaan.[1]

d) Huraikan susun atur pengeluaran untuk aktiviti yang berikut:
(i) Pembinaan kapal terbang [2]
(ii) Hospital [2]
(iii) Pengeluaran Komputer [2]

[6]

Skema pemarkahan:-
(a)Pembinaan kapal terbang
Susun atur tetap
-Segala peralatan, bahan, dan pekerja digerakkan ke lokasi untuk penghasilan produk.


(b)Hospital
Susun atur proses
-Penyusunan bahan mentah, mesin dan pekerja mengikut fungsi kerja yang dilakukan.

(c)Pengeluaran Komputer
Susun atur produk
-Mesin, buruh, dan bahan disusun mengikut urutan proses

e) Nyatakan proses kawalan kualiti. **[4]**

Proses kawalan kualiti ialah
1. Rancang (Plan)
2. Buat (Do)
3. Semak (Check)
4. Tindakan (Act)


f) Lukis dan labelkan model gelagat pengguna. [6]



[1] [1] [1]

g) Dua jenis sumber pembiayaan jangka pendek

1) **Overdraf** - Pelanggan mengeluarkan wang lebih daripada baki akaun semasa.
2) **Pinjaman berkala** - Pelanggan/peminjam boleh membayar balik pinjaman serta faedah secara beransur dan jumlah bayarannya sama rata dalam kala /tempoh ditetapkan.
3) **Pemfaktoran** - Pelanggan mendiskaun (menjual) invois/penghutang kepada bank/ syarikat pemfaktoran.



Tajuk = 1m
Paksi X dan Y (mesti label tepat dan lengkap) = 2m
Keluk Jualan (bentuk dan nama keluk mesti betul)= 1m
Peringkat/Tahap (untuk semua peringkat/tahap) = 4m
(Jumlah =8 markah)

(i)Pengenalan (F=1)

H1- Jualan/keluaran kecil, kadar pertumbuhan jualan perlahan (1m)
H2- Kos seunit tinggi - tiada ekonomi bidangan/kos digunakan untuk penyelidikan dan pembangunan produk (1m)
H3- Keuntungan kurang/sifar/negative (1m)
H4- Persaingan tiada atau belum kuat (1m)
H5- Pelanggan/pengguna kurang/mula mengenali produk (1m)
H6- Produk baru diperkenalkan. (1m)
H7- Cabaran-bagaimana untuk meningkatkan jualan dan pasaran/buat promosi. (1m)

(ii)**Pertumbuhan** (F= 1m)

H1- Jualan semakin meningkat, kadar pertumbuhan jualan pesat/cepat. (1m)
H2- Kos seunit menurun (1m)
H3- Keuntungan meningkat kerana jualan meningkat (1m)
H4- Pesaing mula memasuki industri. (1m)
H5- persaingan semakin sengit – oleh itu harga jualan terpaksa turun supaya kompetitif (1m)
H6- Produk semakin dikenali
H7- Cabaran – bagaimana untuk mengekalkan pasaran (1m)

(iii)Kematangan (F=1m)

H1- Kadar pertumbuhan jualan yang perlahan (lebih perlahan berbanding dengan peringkat pertumbuhan) (1m)
H2- Volum Jualan tinggi/maksimum (1m)
H3- Kadar peningkatan keuntungan stabil/perlahan/mula menurun(1)
H4- Keuntungan tinggi diperolehi (1m)
H5- Kos seunit berada di tahap minimum/rendah (1m)
H6- Persaingan stabil (1m)
H7- Cabaran – bagaimana mengekalkan pelanggan yang setia/bagaimana menguruskan kos untuk mencapai kecekapan. /Pasaran tepu / telah ada keluaran pengganti (1m)

(iv)Kemerosotan/Penurunan/Kejatuhan (F=1m)

H1- Kadar pertumbuhan negatif/jualan merosot dengan hebat/Jualan sifar (1m)
H2- Kos seunit meningkat semula/tinggi (1m)
H3- Keuntungan merosot/untung negatif/rugi (1m)
H4- Persaingan sengit, firma pesaing yang lemah terpaksa keluar dari industri (1m)

TAMAT SAMPEL

Suka sampel ini?

Set penuh: Kertas Percubaan STPM

Sem 1 · Pengajian Perniagaan

Sampel ini: 8 muka surat. Set penuh ada:

- 3 fail PDF
- Semester 1: kertas percubaan (trial) negeri, subjek yang dipilih + skema
- Blueprint 30 hari Semester 1 (setiap subjek)
- Semester 3: percubaan 2024, 10 subjek, banyak negeri, soalan + skema dalam satu fail

RM12.90

BELI SET PENUH RM12.90 >

nightmew.com/p/stpm · FPX semua bank · download sejurus lepas bayar